

11/09/2003

Nafas baru bagi peneroka (HL)

Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Lebih 105,000 keluarga peneroka Felda dijangka menerima `nafas baru' dalam Bajet 2004 yang akan dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, esok.

Perdana Menteri, dalam bajet terakhir yang akan dibentangkannya itu dijangka memperkenalkan satu pendekatan baru bagi membela nasib peneroka tanah rancangan Felda.

Usaha itu dibuat sebagai sebahagian langkah bersepadu kerajaan menyelesaikan pelbagai masalah semasa yang membelenggu peneroka di negara ini.

Pada masa sama, ia juga sebagai usaha kerajaan memperkukuhkan lagi sektor pertanian negara dalam jangka panjang.

Pemerhati berkata, langkah itu dijangka memperlihatkan tanah rancangan Felda sedia ada diambil alih oleh syarikat yang akan dimiliki peneroka sendiri sebagai pemegang sahamnya.

Selain itu, satu lagi cara yang boleh digunakan ialah dengan menggabungkan beberapa tanah rancangan menjadi syarikat perladangan dengan peneroka diberikan saham untuk tanah mereka.

Dengan cara itu, peneroka bukan saja dapat terus menjalani kehidupan seperti sedia ada, malah berpeluang mendapat nilai sebenar bagi tanah yang dimiliki.

Pada masa sama, langkah menjadikan sesebuah rancangan Felda sebagai syarikat perladangan juga akan menyelesaikan masalah pewaris bagi tanah milik peneroka.

Ketika ini, isu pewaris tanah rancangan menjadi masalah kerana prosedur pembahagian pusaka yang memerlukan tanah berkenaan dipecahkan mengikut jumlah waris seseorang peneroka.

"Apabila peneroka memegang aset tanah mereka dalam bentuk saham, pembahagian pusaka kepada waris akan menjadi lebih mudah," kata seorang pemerhati mengenai kemungkinan strategi yang akan digunakan untuk membela nasib peneroka itu.

Langkah memperkenalkan sistem baru pentadbiran tanah rancangan Felda itu dikatakan dibuat sejajar saranan pelbagai pihak yang mahukan organisasi itu merombak strategi pengurusan ladangnya.

Ia juga dibuat bagi membantu mengubah status sosio-ekonomi masyarakat peneroka daripada hanya sebagai pengusaha ladang ketika ini kepada petani moden yang beroperasi secara komersial.

Selain itu, ia juga akan menjadikan generasi kedua masyarakat peneroka lebih tertarik meneruskan agenda pertanian yang diilhamkan daripada penubuhan rancangan Felda.

Mereka berpeluang untuk terus memperoleh manfaat lebih besar, dengan beroperasi sebagai pemilik syarikat perladangan sendiri menerusi saham yang dimiliki.

Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Tan Sri Rozali Ismail, ketika dihubungi bagi mengulas kemungkinan itu berkata, cadangan itu kena pada masanya dan beliau yakin cadangan itu akan disambut baik peneroka jika menjadi kenyataan.

Katanya, langkah sedemikian adalah sejajar aspirasi masyarakat peneroka yang mahu satu usaha bersepadu diambil bagi menangani permasalahan semasa di tanah rancangan Felda.

"Paling penting, ia dapat memastikan cara dan sistem pengurusan Felda sedia ada yang bertumpu kepada mewujudkan dan menyusun rancangan tanah bersama peneroka diteruskan," katanya.

Cadangan itu, katanya, dapat mengatasi masalah generasi kedua Felda yang sudah mendapat geran tetapi 90 peratus daripada mereka gagal memajukan tanah mereka.

Sementara itu, katanya, tanah yang masih diuruskan Felda pula tidak memberikan pulangan berhasil tinggi kerana organisasi itu terlalu fokus kepada ladang miliknya sendiri.

Rozali berkata, GWGF tidak mahu Felda menukar dasarnya kepada sesuatu yang berasaskan komersial semata-mata dan mengabaikan ciri perancangan sosial yang menjadi terasnya.

"Jika benar pendekatan baru sedemikian akan diperkenalkan dalam Bajet 2004, ia pasti dapat mencapai matlamat itu, sekali gus membantu peningkatan ekonomi secara perkongsian pintar.

"Jika 45 tahun lalu, tanah rancangan Felda berjaya menyusun dan mewujudkan sistem penempatan teratur, pertanian moden dan komersial, cita-cita kami ialah untuk melihat tanah rancangan menjadi contoh ladang komersial moden yang melahirkan petani moden berjaya serta berpendapatan tinggi bagi 45 tahun akan datang," katanya.